

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pihak yang ingin menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan bersekutu swasta *standalone*, sama ada pemilik baharu atau pemilik yang ingin memperbaharui lesen perniagaan. Ia juga boleh berfungsi sebagai panduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam meluluskan permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan serta boleh digunakan semasa pemeriksaan premis sekiranya terdapat keperluan.

Garis panduan ini terdiri daripada **tiga (3) bahagian utama iaitu standard kemudahan, standard perkhidmatan (am dan khusus) dan standard personel**. Buat masa ini, standard perkhidmatan khusus menetapkan standard bagi **enam (6) profesion kesihatan bersekutu sahaja iaitu: Audiologi, Terapi Pertuturan-Bahasa, Fisioterapi, Terapi Cara Kerja, Psikologi Kaunseling dan Psikologi Klinikal**. Senarai profesion akan dikemaskini daripada semasa ke semasa mengikut keperluan.

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi kesedaran, pendidikan dan advokasi kepada penyedia perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang selamat dan berkualiti kepada rakyat. Walaupun pada masa ini pematuhan garis panduan hanya secara sukarela Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat berharap agar garis panduan ini dapat dioptimumkan sebaik mungkin oleh semua pihak.


STANDARD KEMUDAHAN

- Lokasi premis
- Kemudahan lif, tangga & tanjakan (*ramp*)
- Tempat masuk & tempat keluar
- Papan tanda & label
- Koridor
- Ruang pendaftaran
- Kawasan menunggu
- Pintu & tingkap
- Kemasan lantai
- Bilik konsultasi & rawatan
- Tandas
- Lampu



STANDARD KEMUDAHAN

- Pengalihudaraan
- Pelan tindakan kecemasan
- Peralatan pencegahan kebakaran
- Laluan/ tangga kecemasan
- Pengurusan & penyelenggaraan (*maintenance*) kemudahan & peralatan
- Pengemasan (*housekeeping*)
- Pengurusan bahan buangan
- Kemudahan kakitangan
- Pelan organisasi
- Jadual kerja
- Maklumat panggilan kecemasan
- Kawalan vektor
- Kemudahan pelbagai



STANDARD PERKHIDMATAN

Standard Perkhidmatan Am

- Tatacara mendapatkan perkhidmatan daripada pengamal kesihatan bersekutu
- Tanggungjawab majikan terhadap pengurusan & kawalan jangkitan
- Daftar kehadiran, rujukan & kematian
- Pengurusan rekod pelanggan/pesakit
- Penyimpanan rekod perubatan pelanggan/pesakit
- Perlindungan data pelanggan/pesakit

Standard Perkhidmatan Khusus

- Standard perkhidmatan khusus untuk setiap profesion terdiri daripada keperluan bilik pemeriksaan dan peralatan minima mengikut jenis prosedur yang diberikan.

STANDARD PERSONEL

Majikan/ Pengurus

- Bertanggungjawab ke atas keseluruhan pentadbiran kemudahan & perkhidmatan yang ditawarkan

Penyelia

- Berkelayakan, diiktiraf, berdaftar & berpengalaman dalam bidang kesihatan bersekutu yang berkaitan
- Mengurus pengamal kesihatan bersekutu dalam menyampaikan perkhidmatan

Pengamal Kesihatan Bersekutu

- Berkelayakan, diiktiraf & berdaftar
- Memberikan perkhidmatan selamat & mengikut prosedur operasi standard (SOP)
- Mempunyai kesihatan mental dan fizikal yang baik
- Terlibat dengan latihan berterusan

Untuk maklumat lanjut garis panduan, sila imbas kod QR



Seksyen Penguatkuasaan
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia



03 - 88901011
Samb. 120/122/131



bskb@moh.gov.my
hq.moh.gov.my/alliedhealth



Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

GARIS PANDUAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN BERSEKUTU SWASTA STANDALONE



Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia